



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
 ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8.
 KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E.
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
 62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077
 Fax : 03-8889 4548
 Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/JlId. 4 (6)
 27-April 2011

Semua Pengarah
 Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 3 TAHUN 2011
 PERATURAN BERKENAAN RAMBUT DAN PEMAKAIAN STEEL BANGLE
 (KARA) OLEH MURID-MURID KETURUNAN SIKH**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pengarah Pelajaran Negeri, Pegawai Pelajaran Daerah serta semua Pengetua dan Guru Besar akan persetujuan Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap peraturan berkenaan rambut dan pemakaian Steel Bangle (Kara) oleh murid-murid keturunan Sikh.


2. Pada dasarnya tujuan garis panduan serta peraturan bagi pakaian serta kekemasan diri murid di sekolah adalah untuk keseragaman dan tidak dibezakan berdasarkan kaum. Namun, Kementerian Pelajaran Malaysia juga amat memahami akan sensitiviti terhadap keperluan agama, adat serta kepercayaan sesuatu kaum di negara ini. Bagi murid-murid berketurunan Sikh, adalah TIDAK DILARANG sekiranya mereka memakai Serban atau Jura mengikut kepercayaan dan agama mereka semasa di sekolah. Dalam hal yang demikian, murid-murid lelaki, guru-guru dan kakitangan lain yang berketurunan Sikh boleh berambut panjang jika mereka memakai Serban atau Jura tetapi yang tidak berserban atau memakai Jura, peraturan mengenai rambut adalah tertakluk kepada arahan *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976*. Dalam hal ini juga, peraturan bagi penyimpanan misai dan janggut semua murid masih tertakluk kepada arahan surat pekeling tersebut.

- (3) 4. Kementerian Pelajaran Malaysia juga bersetuju membenarkan pemakaian *Steel Bangle* (Kara) oleh murid-murid, guru-guru dan kakitangan lain yang berketurunan Sikh berdasarkan pegangan agama bagi kaum Sikh. Namun bagi murid-murid sekolah berketurunan Sikh, kebenaran ini adalah tertakluk sekiranya ~~pemakaian *Steel Bangle* (Kara) dikehendaki oleh ibu bapa/penjaga mereka~~

5. Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya serta memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



DATO' ABD GHAFFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s. k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Mohd. Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri pelajaran
3. YB Datuk Dr. Mohd Puad Bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
- ~~9. Penasihat Undang-Undang~~
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia